

SULIT
1103/2
BAHASA
MELAYU
KERTAS 2
NOVEMBER
2002
2 1/2 JAM

1103/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi soalan 3(b), 3(c), 3(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang kesan penyalahgunaan dadah di tempat kerja. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kini, penyalahgunaan dadah bukan lagi menjadi masalah negara yang kaya atau penyakit orang miskin tetapi gejala tersebut telah berleluasa dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira status seseorang. Menurut Agensi Dadah Kebangsaan, 84 peratus pengguna dadah ialah mereka yang mempunyai pekerjaan tetap. Mereka yang menagih dadah di tempat bertugas ternyata meninggalkan pelbagai kesan negatif yang seharusnya dielakkan.

Kemajuan sesebuah syarikat bergantung kepada sikap pekerja. Jika pekerja datang bertugas sesuka hati, tanpa mematuhi waktu yang ditetapkan pelbagai masalah lain akan timbul. Lazimnya, penagih dadah tidak mempedulikan sama ada tindakan mereka itu betul ataupun salah. Dari aspek yang lain pula, kemalangan di tempat kerja tidak mustahil berlaku. Hal ini disebabkan kebanyakan penagih dadah tidak bertanggungjawab untuk mengelakkan berlakunya kemalangan di tempat kerja bahkan ada antara mereka yang menjadi punca berlakunya kemalangan, terutama kebakaran. Oleh itu, sebagai salah satu usaha ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada dadah, pemeriksaan ujian air kencing secara rambang yang dijalankan selama ini tidak wajar dihentikan.

Masalah penagihan yang berterusan memungkinan penagih berbuat apa-apa sahaja. Dari semasa ke semasa berita kehilangan harta benda di tempat kerja bukan lagi asing apabila terdapat pekerja yang menagih dadah. Ini disebabkan ada antara mereka yang sanggup mencuri harta benda milik syarikat tempat mereka bekerja. Hal ini sukar dielakkan memandangkan majikan tidak boleh membuang pekerja sesuka hati, sebaliknya terdapat majikan yang berusaha untuk membawa mereka ke pangkal jalan. Dengan demikian, majikan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang bukan sedikit untuk membiayai rawatan pekerja yang sedemikian. Tanpa sebarang usaha, tindakan penagih akan menjadi ikutan pekerja yang lain.

Bagaimana pula perasaan pekerja yang lain sekiranya terdapat rakan sekerja mereka yang menagih dadah? Mereka sudah tentu berasa kurang senang atau berasa tidak selamat. Para pekerja khuatir tentang keselamatan barangan dan juga diri mereka. Hal ini disebabkan penagih dadah sanggup bertindak di luar dugaan jika keadaan mendesak. Jika ramai pekerja yang sedemikian, bagaimana pula imej kakitangan syarikat diperkatakan orang? Oleh itu, semua tempat kerja wajarlah mengadakan program kesedaran dan pendidikan pekerja dengan memberikan tumpuan kepada masalah penyalahgunaan dadah. Tegasnya, maklum balas yang menyeluruh dan penyertaan semua pihak amat diperlukan bagi menangani masalah ini.

[Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Berita Harian, 14 Jun 2002]

Soalan 2 : Pengetahuan Bahasa dan Kemahiran Tatabahasa

[20 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis dua ayat yang berlainan maksudnya bagi setiap perkataan di bawah. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.*

- i. menyentuh
- ii. menegakkan

[4 markah]

(b) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat penggunaan kata atau istilah yang tidak sesuai. Tulis ayat-ayat di bawah semula dengan menggantikan kata atau istilah tersebut.*

- i. Setiap penyokong dikehendaki memenuhi peraturan yang ditetapkan sebelum dibenarkan memasuki stadium bagi menonton perlawanan bola sepak di stadium itu.
- ii. Setelah berpuasa sejak sebulan, semua kaum Islam akan menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri.

[4 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan itu dan betulkan dengan menulis ayat berkenaan tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- i. Sebahagian besar berita-berita yang tersiar dalam akhbar itu diperoleh dari pelbagai sumber.
- ii Rosli mengirimkan ibunya sehelai baju kebaya sebagai tanda peringatan setelah berada jauh di perantauan.
- iii Penceramah itu memperkatakan tentang sikap sesetengah pihak yang sengaja memperbesarkan isu yang kurang penting.

[6 markah]

(d) *Tulis petikan di bawah semula dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah.*

“Di mana awak beli buku ini?” Tanya Liza.
“Di Kedai Buku Rizal,” jawab Rawi.
“Ada lagi tak, saya rasa nak beli juga.”
“Mungkin ada, baik kita pergi cepat!” balas Rawi.
“Ya juga. Mari kita ke sana sekarang,” kata Liza.

[6markah]

Soalan 3 : Pemahaman

[35 markah]

Jawab semua soalan

(a) Petikan Umum

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

Belakangan ini sering dipertanyakan mengenai kepentingan kegiatan kokurikulum kepada pelajar. Jika dahulu, pelajar tidak diwajibkan menyertai kegiatan kokurikulum, tetapi kini para pelajar dikehendaki menyertai sekurang-kurangnya satu kegiatan kokurikulum dan menjadi ahli mana-mana persatuan di sekolah. Langkah ini dibuat bertujuan ramai pelajar yang enggan mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan kokurikulum di sekolah sebalikinya memberi tumpuan kepada pelajaran.

Sebenarnya, banyak manfaat yang boleh diperoleh daripada perubahan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Menertusi kegiatan yang terancang itu, pelajar mendapat pengetahuan serta kemahiran yang tidak diperoleh dalam di bilik darjah.

Di dalam bilik darjah, pelajar mendapat ilmu pengetahuan yang bercorak akademik, manakala di luar bilik darjah pula pelajar didedahkan dengan pengetahuan yang mampu melengkapkan mereka dengan kemahiran serta ilmu yang lebih luas.

Selain itu, perubahan dalam kegiatan kokurikulum seperti berpersatuan juga dapat membentuk bakat kepimpinan, berdiskusi, berkomunikasi serta memperluas pergaulan mereka dengan rakan sebaya. Inilah antara manfaat yang diperoleh apabila belajar bergiat dalam kegiatan di luar bilik darjah. Pelajar akan rugi apabila mereka beranggapan bahawa kegiatan kokurikulum hanya membuang masa dan tidak bermanfaat. Tambahan pula, sejak akhir-akhir ini, sesetengah institusi pengajian tinggi (IPT) memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah dalam pemilihan melanjutkan pelajaran mereka.

(Disesuaikan daripada "Jangan Salah Guna Waktu Kokurikulum", *Minda Pelajar*, Mei 2000.)

(i) Jelaskan kepentingan kegiatan kokurikulum kepada seseorang pelajar [3 markah]

(ii) Apakah kesan negatif yang mungkin wujud jika pelajar tidak aktif dalam kegiatan kokurikulum? [2 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah insentif yang perlu diberikan kepada pelajar supaya mereka bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum? [3 markah]

(b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

- PEGAWAI** : Orang-orang itu mesti ditangkap, supaya dia tidak membodohkan orang-orang lain lagi.
- ORANG MUDA** : Bodohkah orang-orang yang mahu lepas dan bebas daripada pemerintahan Inggeris?
- GADIS** : Bodohkah orang-orang yang mahu mereka?
- PEREMPUAN TUA** : *(Taku)* Ya, tuan. Budak-budak ini semua bodoh, tuan, bodoh.
- PEGAWAI** : *(Pada gadis)* Apa kata kau? Merdeka? Merdeka? Ha, ha, ha, ha, ha! Buat pensel sebatang belum tahu lagi sudah mahu merdeka! Tangkap semua itu orang yang mahu merdeka!!
- ORANG MUDA** : Tuan, kalau kita sudah merdeka nanti kita akan dapat membuat semua yang kita mahu. Sekarang kita tak boleh, tak diberi peluang, tak diajar.
- PEGAWAI** : Tak diberi peluang? Tak diajar? Kurang ajar kau! Kau tidak tahu lagi apa jasa Inggeris pada negara kita ini. Kita tidak tahu lagi orang muda??
- PEREMPUAN TUA** : Budak-budak ini memang kurang ajar, tuan. Tolonglah, tuan!
- PEGAWAI** : Bandar-bandar sudah dibuka, hospital-hospital, sekolah-sekolah. Anak negeri sudah bertambah-tambah ramai. Semua untuk kebaikan negeri. Pemerintahan Inggeris adil. Semua orang suka hati.

(Dipetik daripada drama "Titik-titik Perjuangan" Karya Kala Dewata dalam Antologi Anak laut, DBP 2000)

- (i) Apakah pandangan pegawai itu terhadap pemerintahan Inggeris? Apakah bukti yang diberikannya? [4 markah]
- (ii) Bersetujukah anda dengan tanggapan pegawai itu bahawa orang-orang kampung itu "bodoh"? Berikan alasan anda. [3 Markah]
- (iii) Nyatakan watak dan perwatakan pegawai dalam petikan tersebut. [3 markah]

(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan cerita di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

Maka kata Laksamana, “Sungguh seperti katamu itu; pada hatiku pun demikianlah. Sayang engkau berdosa. Jika lain daripada dosa ini, tiada engkau mati, barang tipunya dayaku pun melepaskan juga engkau daripada mati .” Maka Hang Jebat pun menangis mendengar kata Laksamana demikian itu. Maka Laksamana pun menangis kasihan hatinya akan Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, “Aku pun kerana melihat engkau dibunuh oleh Bendahara tiada dengan dosanya; sebab itulah maka sakit hatiku. Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan dibunuhnya, kerana raja itu membunuh tiada dengan periksanya. Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu dan jasamu lagi dibunuhnya oleh raja, istimewa aku pula. Sebab pun kuperbuat demikian ini, sepala-pala nama jahat jangan kepalang, seperti pantun Melayu, rosak bawang ditimpa jambaknya; maka sempurnalah nama derhaka dan nama jahat”.

(Dipetik daripada “Pertarungan Tuah dengan Jebat”,
dalam *Antologi Anak Laut*, DBP 2000)

- (i) Nyatakan perbuatan-perbuatan jahat yang telah dilakukan oleh Hang Jebat. [4 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah Hang Tuah membunuh sahabat yang telah membelanya? Mengapakah kamu berpendapat sedemikian? [4 markah]

(d) Petikan Puisi

Baca petikan puisi di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan perkataan anda sendiri

MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN

Kelelahan kita semakin parah tenatnya
berserta kekejaman mengatasi kedamaian
titik pertemuan menjadi tentangan
tak siapa mau beralah

Saat ini siapa lagi sanggup bersembayan
janjikan harapan semanis janji orang bercinta
setiap pembicaraan tanpa persatuan
kejujuran mati di hati.

Hari ini tak payah parau bertanya
ketuanan dunia akan tenggelam juga
dalam kebodohan manusia
yang kian bermuka dua.

Demi kelak dewasanya anakku
kau bikinlah perhitungan sendiri
untuk menjengah neraka kecintaan manusia
mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!
tambah mengimbau sorotan kitab ESA!
hanya kesejahteraan membunga api

Salmi Manja
Utusan Zaman, 1 Januari 1961

(Dalam *Antologi Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

(i) Apakah yang hendak disampaikan oleh penyajak dalam rangkap pertama?

[3 markah]

(ii) Pada pendapat anda, siapakah yang dimaksudkan dengan *yang kian bermuka dua*?
Berikan alasan anda.

[3 markah]

(iii) Nyatakan beberapa pengajaran yang dapat diambil daripada sajak tersebut.

[3 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan novel Terminal Tiga karya Othman Puteh.

- (a) Keupayaan seseorang pengarang novel menggunakan latar masyarakat dengan sesuai akan menambah keberkesanan sesebuah karya. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, bincangkan latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Huraikan nilai-nilai murni yang dapat diambil menerusi novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT